

# Kekalkan pokok tua, cerun bukit

Oleh Zulkoffi Jamaludin

BH 16 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak, khususnya pemaju supaya mengelakkan daripada memotong bukit dan menebang pokok yang boleh merosakkan topografi kawasan pembinaan.

Perdana Menteri berkata, pengekalan pokok tua dan cerun bukit adalah aset untuk mengekalkan keindahan, di samping menjadikan harga rumah atau bangunan lebih tinggi.

“Kita tidak perlu potong semua pokok ketika mendirikan bangunan. Bangunan boleh didirikan tanpa pemotongan pokok atau cerun bukit bagi mengekalkan keindahan lanskap semula jadi.

“Kita perlu sayangi pokok dan jangan terlalu mudah menebangnya tanpa memikirkan kesan terhadap alam sekeliling,” katanya ketika pada majlis penanaman pokok alaf baru di Taman Bukit Jalil, di sini hari ini.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut merasmikan taman berkenaan seluas 20.23 hektar yang menawarkan kawasan istirehat, pendidikan alam semula jadi dan keseronokan pengunjung.

Sebanyak 100,000 pokok ditanam serentak seluruh negara dalam masa satu minit sempena Hari Habitat Sedunia 2000.

Turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri

“**Kita tidak perlu potong semua pokok ketika mendirikan bangunan. Bangunan boleh didirikan tanpa pemotongan pokok atau cerun bukit bagi mengekalkan keindahan lanskap semula jadi**”

PERDANA MENTERI  
– DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD

Muhyiddin Yassin; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff dan Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara, Datuk Ismail Ngah.

Dr Mahathir berkata, langkah pemaju pusat perancangan di Langkawi mengekalkan pokok di kawasan pembinaan menjadikan pusat itu berjaya menarik pelancong asing datang berulang kali.

“Kemajuan sesebuah negara turut diukur berdasarkan keprihatinan terhadap penjagaan alam sekeliling. Rumah yang dibina di kawasan yang dipenuhi pokok menjadikan lanskap akan lebih menarik serta nyaman,” katanya.

Beliau berkata, keindahan halaman rumah bukan saja mampu dilakukan oleh golongan kaya, tetapi boleh semua warga negara ini dengan menanam pokok atau bunga di sekeliling rumah.

Perdana Menteri berkata, orang ramai juga boleh memanfaatkan kawasan antara rumah dan ja-

lan dengan menanam pokok, termasuk herba untuk makanan serta perubatan.

Dr Mahathir berkata, peningkatan penduduk dunia yang kini mencecah enam bilion orang menyebabkan keperluan tempat tinggal mendesak dan kerap kali kawasan hutan dibersihkan.

Beliau berkata, kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membina empat lagi taman di bandar raya untuk kemudahan warga kota berehat dan beriadah bersama keluarga.

Serentak itu, beliau meminta sektor swasta mencontohi segera langkah DBKL menyediakan kemudahan riadah di kawasan pembinaan tanpa menunggu tanah melambung tinggi.

“Jangan tunggu terlalu lama kerana tanah akan menjadi mahal. Tanpa kemudahan taman, penduduk di Kuala Lumpur akan tinggal seperti hutan konkrit. Langkah segera boleh membantu mutu hidup menjadi lebih baik,” katanya.

Sementara itu pada si-

dang akhbar kemudian, Perdana Menteri berkata pemaju akan mendapat lebih banyak keuntungan jika mengekalkan cerun bukit dan membina asas pembinaan yang kukuh.

"Pemaju perlu pandai menyusun rumah dan menggunakan asas yang kukuh serta jangan seperti Highland Towers. Dia tak buat betul," katanya merujuk kejadian pangsapuri Highland Towers yang runtuh pada 11 Disember 1993 dan mengorbankan 48 orang.

Beliau berkata, keadaan tanah di negara ini lembut dan banyak air, tidak sama dengan banyak negara lain yang mempunyai tanah granit yang memudahkan pembinaan rumah.

Dr Mahathir berkata, pemaju yang menikmati hasil pembinaan rumah kos tinggi di lereng bukit itu, boleh digunakan untuk mensubsidi rumah kos rendah.

Ditanya mengenai tindakan media asing terus memburukkan negara walaupun Malaysia bersung-

guh-sungguh menjaga alam sekitar, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak mengambil kira laporan media asing. Begitu juga orang asing pun tidak merujuk media mereka. Mereka yang melabur di sini tahu keadaan sebenar negara.

"Begitu juga pelancong. Ini (laporan media) semua propaganda negatif. Orang tidak mengambil berat laporan akhbar. Mengikut akhbar di mana pun tidak boleh pergi ketika ini," katanya.